

**SUKATAN PEPERIKSAAN
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)
UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN
MASYARAKAT GRED S 27
BAGI PEMBANTU PEMBANGUNAN
MASYARAKAT GRED S17, S22 DAN S26
DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
MALAYSIA.**

**SUKATAN PEPERIKSAAN
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN UNTUK MEMASUKI
SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN
MASYARAKAT GRED S 27
BAGI PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT
GRED S17, S22 DAN S26
DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA.**

1. Tarikh sukatan Peperiksaan Dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam :

2. Matlamat Sukatan : Matlamat Peperiksaan Khas ini adalah :-
 - i. Untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat jawatan dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S 27 dan;
 - ii. Menguji kemahiran seseorang pegawai berdasarkan kepada pengalaman dalam tugas – tugas hariannya.
 - iii. Menyediakan garis panduan dan maklumat sukatan terkini berhubung undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran dan perkhidmatan kebajikan masyarakat.

3. Tujuan Peperiksaan : Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat – syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred

S 27 melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.

4. Pegawai yang layak mengambil peperiksaan ini. : Pembantu Kebajikan Masyarakat Gred S 17 dan Gred S 22 yang telah disahkan dalam perkhidmatan.
5. Sukatan Peperiksaan (Termasuk masa dan soalan) : Calon-calon akan diuji pengetahuan berkaitan pentadbiran am dan kemahiran kerja sosial / Kaunseling dalam pengendalian kes yang bermasalah. Penilaian juga diberi kepada kemahiran pegawai menggunakan akta – akta , peraturan serta Pekeliling Jabatan yang berkaitan. Soalan – soalan akan berdasar kepada :-
- i. Menguji pengetahuan calon-calon mengenai sistem pentadbiran am yang berkaitan dengan pengurusan kerja kes.
 - ii. Menguji kemahiran calon-calon menggunakan undang – undang dan peraturan – peraturan dalam melaksanakan tugas – tugas harian.

- iii. Menguji kebolehan memberi pendapat serta mengemukakan hujah – hujah menyokong sesuatu pendirian berhubung dengan isu-isu berkaitan.
- iv. Meneliti, menilai dan menyelesaikan masalah melalui pengkajian kes yang direka.

**BAHAGIAN I : PENTADBIRAN DAN KERJA
KEMASYARAKATAN.**

Soalan – soalan adalah berdasar kepada perkara – perkara berikut :-

Calon-calun dikehendaki menunjukkan kefahaman mengenai konsep, amalan kerja sosial, teknik kerja kes, kerja kumpulan dan organisasi Masyarakat. Dengan menggunakan peruntukan undang – undang sosial yang sedia ada, Calon-calun hendaklah menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu / keluarga / Masyarakat. Soalan disediakan dalam bentuk Kajian Kes.

Soalan adalah berdasarkan kepada berikut :-

I. Perkhidmatan Kanak – Kanak.

- i. Akta Kanak kanak 2001 (Akta 611)

- ii. Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).
- iii. Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).
- iv. Akta Taman Asuhan Kanak – Kanak 1984 (Akta 308).
- v. Kaedah – kaedah Perlindungan Wanita & Gadis (Tempat Perlindungan) 1982.PU.(A)391.
- vi. Peraturan – Peraturan Perlindungan Kanak – Kanak (Tempat Selamat) 1992.
- vii. Peraturan – peraturan Jawatankuasa Kebajikan Budak – budak (Perlembagaan & Kewajipan – kewajipan) 1976.
- viii. Peraturan – peraturan Asrama Akhlak 1982.
- ix. Peraturan – peraturan Sekolah Yang Diluluskan 1981 P.U (A) 375.
- x. Konvensyen Mengenai Hak Kanak kanak

II. Perkhidmatan Wargatua dan Keluarga

- i. Akta Orang Papa 1977 (Akta 183).
- ii. Akta Orang Papa (Pindaan) 1977 (Akta 404).
- iii. Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521).
- iv. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).
- v. Kaedah Pengurusan Rumah Pesakit Melarat 1978
- vi. Kaedah – kaedah (Rumah Kebajikan) Orang – orang Papa 1981 (PU (A) 376).

- vii. Kaedah kaedah Bagi Pengurusan Rumah Orang Tua 1983.
- viii. Old Persons Homes (Management) Rules.
- ix. Peraturan – Peraturan Pusat Jagaan 1994.

III. Perkhidmatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

- i. Arahan – Arahan Pusat Pemulihan bagi Orang – orang Cacat Anggota Cheras, Selangor (Lembaga Pelawat) 1969 (No. 5309)
- ii. Kaedah – Kaedah bagi Pusat – pusat Pemulihan Cacat Akal 1977 (PUM (A) 47).
- iii. Kaedah – kaedah Woksyop Terlindung 1979.,
- iv. Pendaftaran Orang Kurang Upaya.
- v. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- vi. Bengkel Terlindung
- vii. Garis Panduan Perkhidmatan Orang Kurang Upaya

IV. Perkhidmatan Pembangunan Komuniti / Sosial

- i. Briged Kebajikan Perdana (BKP)
- ii. Perkongsian Bijak
- iii. Pemberian Geran Tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan
- iv. Projek Pembangunan Komuniti

V. Perkhidmatan Sosio-Ekonomi dan Bantuan

- i. Bantuan Kewangan
- ii. Bantuan Geran Pelancaran
- iii. Bantuan Alat Tiruan/Sokongan
- iv. Bantuan Bencana (Arahan MKN 20)

Soalan : 8 Soalan
Jawab : 5 Soalan (Esei)
Masa : 3 jam.

Calon – calon adalah **dibenarkan** merujuk kepada Akta, Peraturan dan Kaedah berkaitan sahaja.

BAHAGIAN II :

PENYEDIAAN LAPORAN (BERBENTUK KARANGAN)

Kertas ini berbentuk penyelesaian masalah individu, keluarga atau masyarakat yang ada kaitan dengan perkhidmatan – perkhidmatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia.

Calon-calon juga akan diuji kemahiran mereka dalam menyediakan laporan atau mengenali format laporan yang digunakan dalam tugas seharian.

Antara perkhidmatan yang berkaitan ialah :

A. Perkhidmatan Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Bantuan

- i. Bantuan Kewangan
- ii. Bantuan Geran Pelancaran
- iii. Bantuan Alat Tiruan/Sokongan
- iv. Bantuan Bencana

Pengendalian semua skim dan jenis bantuan yang meliputi pelaksanaan, faedah dan pentadbiran.

B. Perkhidmatan Kanak-Kanak

Perkhidmatan berkaitan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan, dan perlindungan di institusi, pemulihan kanak-kanak di institusi, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, Anak Angkat dan Pentadbiran Anak Angkat. Sebab-sebab salah laku dikalangan kanak-kanak dan tugas dan tanggungjawab Pegawai Akhlak, fungsi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, Pengendalian Kes Penderaan Kanak-Kanak, Program Pemulihan Kanak-Kanak, Program Khidmat Saksi Kanak-Kanak, Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Undang-undang

berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan tugas serta tanggungjawab Pelindung.

C. Perkhidmatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

Perkhidmatan berkaitan pendaftaran Orang Kurang Upaya, pemulihan dan perlindungan orang-orang cacat di institusi, program Pemulihan Dalam Komuniti, Pusat Setempat Pemulihan Dalam Komuniti, Latihan Vokasional dan Latihan Perubatan, Model Pemulihan Dalam Komuniti (Vokasional, Komuniti dan Kesihatan), Rumah Kelompok, Penggalakkan Disabled Friendly Environment, Disabilities Equality Training (DET), Program Penempatan Kerja (Job Coach), NGO berkaitan Orang Kurang Upaya, Program Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bengkel Terlindung dan kemudahan dan keistimewaan kepada golongan OKU.

D. Perkhidmatan Warga tua dan Keluarga

Proses penuaan penduduk di Malaysia, Perkhidmatan Jagaan dan Perlindungan Warga Emas di Rumah Seri Kenangan dan kes Pesakit Melarat di Rumah Ehsan, Pengurusan Pengemis dan Kutu Rayau di Desa Bina Diri, Kuasa Diperuntukan Dibawah AOP 1977 Bagi Menyelamat dan Memulihkan Orang Papa, Kaedah-Kaedah Bagi Menangani Isu Dan Membenteras Orang Papa, Institusi-Institusi Yang Diwartakan Di Bawah AOP

1997. Kemudahan sistem sokongan dalam komuniti untuk Warga Emas, Bantuan Warga Emas (BAWE), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE), Rumah Sejahtera/Pondok Sejahtera dan Program Khidmat Bantu Warga Emas di rumah (Home Help Services). Dasar Warga Emas Negara (DWEN), Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Mengendalikan khidmat perlindungan kepada keluarga mangsa keganasan rumah tangga dan aktiviti kesejahteraan keluarga. Pengurusan Dan Perlindungan Mangsa Keganasan Rumah Tangga, Falsafah Disebalik AKRT, Kesalahan di Bawah AKRT, Peranan JKM Dalam Membantu Mangsa Keganasan Rumah Tangga, Punca Berlaku Keganasan Rumah Tangga, Proses Untuk Mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO), Proses Untuk Mangsa Yang Memerlukan Tempat Selamat, Senarai Tempat Selamat, Kaunseling dan Badan Pendamai.

E. Perkhidmatan Pembangunan Komuniti / Sosial

Kerjasama dan sokongan pertubuhan bukan kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran melalui pemberian bantuan dan geran tahunan, pelaksanaan Projek Organisasi Komuniti, Pembangunan dan Pengurusan Pertubuhan Sukarela Kebajikan, Pembangunan Kesukarelawan, Unit Khidmat Penyayang, Penggalakkan Penyertaan Sektor Korporat dan Perkongsian Strategik dan Tajaan Program.

Calon – calon dikehendaki menunjukkan kemahiran mengkaji, menganalisa dan menyelesaikan masalah yang terdapat dalam soalan itu dengan mengaitkan peranan individu, keluarga dan komuniti dengan kemudahan-kemudahan yang boleh diperolehi dalam masyarakat. Hujah-hujah hendaklah disasarkan kepada peraturan – peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang berkenaan.

Senarai Peraturan – Peraturan Pekeliling dan perkara – perkara di atas akan juga termasuk pindaan – pindaan yang terbaru (jika ada).

Soalan : 10 soalan
Jawab : 5 soalan (esei)
Masa : 3 jam

Calon – calon adalah **dibenarkan** merujuk kepada semua Undang - undang di atas sahaja.

Calon – calon yang lulus

6. Pengecualian : mana – mana Bahagian adalah dikecualikan dari mengambil semula Bahagian tersebut.
7. Keputusan Peperiksaan : Lulus / Kandas
8. Pemeriksaan dilantik oleh : Bahagian I dan II – Panel Subjek, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
9. Bahasa (soalan dan jawapan) : Bahasa Melayu
10. Permohonan dikemukakan kepada : Urusetia Peperiksaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
11. Pusat Peperiksaan akan ditetapkan oleh : Panel subjek Jabatan Kebajikan Masyarakat
12. Kekerapan Peperiksaan : 2 kali setahun
13. Tarikh akhir mengemukakan permohonan : 1 bulan sebelum tarikh peperiksaan

BAHAN – BAHAN RUJUKAN

- i. Perintah Am
- ii. Arahan Perbendaharaan
- iii. Panduan Keselamatan Kerajaan
- iv. Pekeliling – pekeling dan surat – surat Perkhidmatan dan Perbendaharaan berkaitan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- v. Akta – akta serta peraturannya yang dinyatakan dalam Sukatan Peperiksaan.